



Sinar Harian  
12/9/17  
mls 17

# Pelajar hamil seks dengan 5 lelaki

**1** SEORANG pelajar tingkatan lima yang sedang hamil tiga bulan dan kerap ponteng sekolah membongkar kegiatannya melakukan hubungan seks dengan lima lelaki dalam tempoh lapan hari antara 30 Ogos lalu sehingga 7 September lalu.

Ketua Polis Bachok, Deputy Superintendan Nik Aminuddin Raja Abdullah berkata, kejadian berlaku di empat lokasi berasingan, tiga

di Bachok, manakala satu di Kota Bharu, dua daripadanya berlaku tanpa kerelaan mangsa (pengadu).

"Pada jam 7.30 pagi, 30 Ogos lalu, teman lelaki pengadu juga rakan sekelasnya mengambil dia di sebuah sekolah di Pengkalan Chepa, Kota Bharu dan membawanya ke rumah di Kampung Beris Kubur Besar, Bachok.

"Di situ, pengadu dan teman lakinya melakukan hubungan seks sebelum lelaki terbabit meninggalkan remaja tersebut. Rakan teman lelaki



NIK AMINUDDIN

itu pula membawa mangsa ke rumah seorang lagi rakan lelaki lain dan mengajaknya

melakukan hubungan seks," katanya.

Beliau berkata, pengadu melakukan seks tanpa kerelaannya sebelum datang seorang lagi rakan lelaki lain yang turut sama memaksa pengadu melakukan seks.

"Selesai kejadian, pengadu ditinggalkan rakan teman lakinya itu di kedai makan di Binjai dan hubungi seorang rakan perempuan yang menghantarnya pulang ke rumah," katanya.

Menurutnya, ketika pengadu berada di rumah, pengadu menerima pang-

gilan telefon dari seorang lelaki tidak dikenali mengajaknya keluar dan mereka berjumpa serta menunggang motosikal ke Bachok sebelum menginap di hotel di daerah itu.

"Mereka melakukan hubungan seks dengan kerelaan pengadu. Selesai itu, pengadu ditinggalkan berhampiran lampu isyarat Tendong, Kota Bharu pada tengah malam pada 7 September lalu sebelum menghubungi seorang rakan lelaki yang menghantarnya ke sebuah hotel di Wakaf Che

Yeh, Kota Bharu.

"Di situ, pengadu berkenalan dengan seorang lelaki iaitu rakan kepada penjaga kaunter hotel sebelum melakukan hubungan seks dengan lelaki itu sebelum mereka menghantar pengadu pulang ke rumah pada pagi, 8 September lalu," katanya.

Katanya, sebaik tiba di rumah, abang pengadu bawa pengadu ke balai polis untuk maklum kepulangan adiknya.